

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT  
[ MERBOK - BN ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 80)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program yang dijalankan Kementerian bagi mencungkil dan menggilap bakat pelbagai jenis sukan dan kos yang dibelanjakan Kementerian bagi program-program tersebut.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program mencungkil dan menggilap bakat yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah secara menyeluruh dan tidak memfokuskan kepada golongan tertentu.
2. Sebagai contoh Kementerian melaksanakan Kem INSPIRE iTalent & iTrain dan Sirkuit INSPIRE OKU di setiap negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,16 juta. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat baru golongan OKU dalam bidang sukan mengikut jenis kecacatan tertentu. Selain itu, program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) juga dilaksanakan di 121 Daerah dan 15 Negeri dengan jumlah peruntukan RM3,294 juta. Program LiSUS ini mempertandingkan 4 jenis sukan iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw dan bola sepak 9 sebelah. Kem Bakat badminton juga dilaksanakan di setiap Negeri dengan sasaran penyertaan seramai 900 orang.
3. Selain itu, Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah dan sedang mempergiatkan usaha mencari bakat baru dan memperluaskan kelompok bakat melalui pelaksanaan program-program seperti Program Pembangunan Bakat Akar Umbi Kebangsaan (MyTID), Program Cari Juara, Program *Talent Spot* dan Program Sukan Prestasi Tinggi Negeri bagi Sekolah Sukan Negeri (SSN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Sukan Negeri, Unit Sukan Prestasi Negeri (USPTN) dan

## **SULIT**

Persatuan Sukan. Kos perbelanjaan bagi program ini yang merangkumi semua negeri di Malaysia dari tahun 2014 hingga April 2016 adalah sebanyak RM6.2 juta.

4. Secara amnya program pencarian bakat dilaksanakan berdasarkan sukan dan juga keperluan semasa program pembangunan bakat sukan mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia, Persatuan atau Majlis Sukan Negeri. Atlet yang terpilih akan diletakkan di bawah program pengkhususan bakat di bawah seliaan Majlis Sukan Negara. Bakat mereka akan digilap dan kecenderungan mereka dikenalpasti dalam sukan-sukan terpilih untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DR. TAN SENG GIAW**  
**[KEPONG]**  
**TARIKH** : **24 MEI 2016 [SELASA]**  
**SOALAN** : **81**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keadaan El Niño di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

El Niño merupakan fenomena cuaca berskala besar yang berlaku di tengah dan timur Lautan Pasifik. Kitaran fenomena ini kebiasaannya berlaku dalam tempoh setiap 2 hingga 7 tahun dan dijangka memberi kesan kepada perubahan cuaca di kebanyakan negara terutamanya negara-negara sekitar Lautan Pasifik sehingga ke rantau Asia Tenggara dan Australia.

Di Malaysia, kesan daripada El Niño mengakibatkan peningkatan suhu antara 0.5°C hingga 3.0°C dan berlaku antara bulan Januari hingga April. Suhu maksimum yang dicatatkan sehingga kini adalah 39.3°C di Batu Embun, Pahang pada 10 April 2016. Keadaan cuaca panas akibat peningkatan suhu boleh mencetuskan gelombang haba. Kejadian

gelombang haba diisytiharkan berlaku apabila suhu maksimum melebihi 37.0°C selama 3 hari berturut-turut mengikut ketetapan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Teknikal Bagi Membincangkan Draf Pelan Tindakan Gelombang Haba.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Fenomena El Niño ini telah menyebabkan jumlah hujan berkurangan sehingga melebihi 60% terutamanya di negeri-negeri utara dan pantai timur Semenanjung, Sabah serta utara Sarawak. Jumlah hari tanpa hujan tertinggi sehingga kini dicatatkan di Langkawi, Kedah iaitu 49 hari bermula dari 15 Februari hingga 3 April 2016.

El Niño juga turut menyebabkan tempoh Monsun Timur Laut yang bermula pada November 2015 menjadi lebih panjang dengan intensiti yang sederhana. Manakala tempoh Musim Peralihan Monsun iaitu dari bulan Mac hingga April 2016 menjadi lebih pendek dan jumlah taburan hujan kurang berbanding biasa.

Fenomena El Niño kuat yang berlaku pada tahun ini telahpun melemah mulai Februari 2016. Pemantauan terkini oleh *International Research Institute (IRI) for Climate and Society* iaitu sebuah badan antarabangsa yang bertanggungjawab memantau El Niño menjangkakan kekuatannya akan berkurangan secara perlahan dan berada pada tahap neutral mulai pertengahan 2016.

Sekian, terima kasih.